

MAHATHIR AKUI PERNAH BERKORBAN

Perdana Menteri dengan nada merendah diri berkata, beliau dan Tengku Razaleigh menentanginya dengan apa saja usaha tetapi beliau tidak sanggup melihat UMNO dihancurkan kerana itu.

Katanya, jika ditakdirkan beliau kalah dalam pemilihan pucuk pimpinan parti pada tahun 1987, UMNO tidak

akan ke mahkamah dan diharamkan dan Semangat 46 tidak akan ditubuhkan.

"Dia buat ini kerana dia kalah...bukan kerana kemungkaran ekonomi dan sebagainya."

Perdana Menteri berkata, Tengku Razaleigh tidak sepatutnya cuba memecah - belahkan perpaduan Melayu yang telah lama wujud hasil

perjuangan UMNO, lebih - lebih lagi beliau sendiri merupakan sebahagian daripada UMNO sebelum ini.

"Saya sendiri rela untuk mengelakkan daripada (perpecahan) ini berlaku...hingga saya tawarkan dia untuk menjadi menteri," katanya.

Katanya, beliau memaklumi cita - cita Tengku Razaleigh untuk men-

jadi Presiden UMNO tetapi tidak sepatutnya beliau melémahkan perpaduan Melayu kerana usahanya itu gagal.

"Dato' Musa Hitam sendiri mempunyai minat untuk jawatan yang sama... tetapi beliau sanggup menerima kekalahan...dan kalau saya kalahpun saya terima..." katanya.

Beliau berkata, usaha

Tengku Razaleigh sehingga menjadikan musuh ketat UMNO iaitu DAP sebagai kawan, hanya merugikan orang Melayu.

Dato' Sri Dr. Mahathir meminta ahli - ahli politik veteran itu terus memberikan sokongan kepada UMNO kerana "perjuangan tidak habis lagi...dan adalah merugikan jika mereka berasa

puas pada tahap ini" dan beliau bertanya kepada mereka sama ada mereka sanggup menyerahkan kepada "budak ini (Tengku Razaleigh) menjajamankan perpaduan Melayu."

Jelas kelihatan penjelasan Perdana Menteri itu mendapat tempat di hati mereka yang hadir, hinggakan ada beberapa orang yang melaungkan

UNTUK RAZALEIGH

sesuatu tanda sokongannya kepada Dato' Sri Dr. Mahathir dalam loghat Kelantan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata, beliau sebenarnya hendak meletakkan jawatan tetapi telah dihalang oleh rakan - rakan dalam UMNO.

Katanya, majoriti ahli-ahli UMNO masih mahukannya terus memimpin mereka dan negara.

Dalam hubungan ini tegas beliau, adalah tidak adil untuk dirinya mengeneipkan permintaan sebahagian besar ahli-ahli

UMNO semata-mata kerana hendak memenuhi permintaan golongan serpihan.

"Mana ada jalan yang minoriti memimpin yang majoriti tetapi jika rakyat mahu saya berundur saya tidak keberatan kerana

itu adalah kehendak rakyat tetapi ada setengah orang hanya kerana gagal dalam percubaan untuk menduduki kerusi Presiden UMNO bersedia untuk menggadaikan kepentingan parti," katanya.